

10/08/2001

Meritokrasi untuk kebaikan Bumiputera

Salina Abdullah

SHAH ALAM, Khamis - Tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melaksanakan dasar meritokrasi kepada pelajar Bumiputera adalah kerana rasa sayangnya dan tidak mahu bangsa itu terus ketinggalan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, berkata Perdana Menteri tidak mahu Bumiputera terus leka dan selesa dengan keistimewaan yang diberi sejak hampir 44 tahun lalu sehingga tidak mahu bersungguh-sungguh dalam mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang.

Beliau berkata, ramai Bumiputera beranggapan kemudahan yang diberi kerajaan kerana rasa kasihan pada peringkat awalnya sebagai hadiah, lalu mempersia-siakannya sehingga bangsa itu ketinggalan berbanding bangsa lain di negara ini dalam pelbagai aspek.

Sehubungan itu, langkah Perdana Menteri yang mahu kecemerlangan dijadikan ukuran adalah satu kejutan untuk menyedarkan orang Melayu itu.

"Mengapa beliau berani mengambil tindakan ini? Ramai yang menyuarakan rasa khuatir mereka kerana bimbang langkah ini akan menyebabkan Bumiputera akan terus tercicir.

"Anggapan ini salah. Ramai anak Melayu yang cemerlang tetapi golongan ini tidak menyeluruh, bukan kerana bangsa Melayu kita bodoh tetapi mereka leka. Kita tidak mahu mereka terus leka dan mensia-siakan kelebihan yang ada.

"Oleh itu, tindakan Perdana Menteri adalah satu kejutan untuk membawa Bumiputera bersama-sama dalam arus pembangunan negara," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang menyebut, dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam akan dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan sistem kuota yang ada sekarang.

Perdana Menteri berkata, ia akan dibuat mengikut jurusan dan keperluan seawal-awalnya tahun depan, supaya pelajar dapat memberi tumpuan kepada pelajaran dan mencapai kelulusan cemerlang.

Beliau berkata, dasar itu jika dilaksanakan sekali gus akan membawa keputusan amat teruk kepada pelajar Melayu sehingga mungkin tiada pelajar Melayu dalam bidang tertentu.

Bercakap selepas majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9 di sini, hari ini, Abdul Aziz berkata, meritokrasi juga bertujuan menggalakkan pelajar Melayu menumpukan perhatian kepada tanggungjawab iaitu menuntut ilmu.

Sementara itu, mengulas kemasukan bekas pejuang Taliban Afghanistan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini, beliau berkata, Malaysia sentiasa terbuka dengan dasar pendidikannya dan menerima mana-mana penuntut dengan syarat mereka mematuhi tahap kelayakan ditetapkan.

"Selagi mereka tidak memperkembangkan ideologi mereka dan mempengaruhi penuntut dan penduduk tempatan serta menjejaskan keselamatan negara, kita benarkan mereka belajar di sini," katanya.

(END)